

13 APR 2001

Mahathir-Rusuhan

ADA PIHAK PERCAYA MEREKA BERHAK LAKUKAN KEKERASAN ATAS NAMA DEMOKRASI

KUALA SELANGOR, 13 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada pihak berpendapat mereka berhak melakukan kekerasan atas nama demokrasi dan keadilan untuk menggulingkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata pihak ini beriya-iya merancang untuk mencetuskan rusuhan bagi mencapai matlamat mereka.

Dr Mahathir melahirkan rasa kesalnya kerana apabila pihak berkuasa menguatkuasa undang-undang untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman negara, mereka sebaliknya dikecam oleh sesetengah pihak kononnya mencabul hak asasi manusia.

Pihak berkuasa terpaksa bertindak menggunakan undang-undang kerana ada orang yang cuba mencabul undang-undang itu, katanya pada majlis Mesra Rakyat bersama-sama kira-kira 5,000 orang di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Melawati di sini hari ini.

"Kerajaan sedar ada pihak yang merancang untuk melakukan rusuhan dengan menggunakan bahan letupan dan lain-lain untuk menggulingkan kerajaan.

"Kita tahu mereka telah pergi ke negara jiran dan memberitahu kawan mereka di sana bahawa mereka juga ingin membuat seperti di negara jiran ini, (di mana) jelas sekali rusuhan dilakukan mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menggulingkan kerajaan," kata beliau.

"Inilah hasrat mereka yang kononnya menuntut keadilan atau menuntut demokrasi," katanya.

Perdana Menteri juga membidas pemimpin PAS yang lantang melaung-laungkan demokrasi tetapi tidak menghalang penyokong-penyokong mereka menyertai demonstrasi jalanan yang boleh mencetuskan rusuhan.

"Fadzil Noor (Presiden PAS) bercakap mengenai demokrasi tetapi pada masa sama mereka membenarkan penyokong-penyokongnya mengambil bahagian dalam demonstrasi," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka yang bertindak sedemikian sebenarnya tidak memahami demokrasi.

Dr Mahathir berkata dalam menjalankan tugas mereka pihak-pihak yang menguatkuasakan undang-undang terpaksa menggunakan kekerasan jika pihak yang mencabul undang-undang juga menggunakan kekerasan.

"Tidak ada jalan lain untuk meredakan keadaan apabila tindakan ganas dilakukan oleh mana-mana pihak atau kumpulan," katanya.

Beliau berkata polis sebenarnya tidak bertindak secara ekstrim melainkan pada orang yang ingkar dan tidak mengikut perintah.

Bagaimanapun, pihak penguatkuasa undang-undang tidak dapat menggunakan cara yang berkesan untuk membuktikan perbuatan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak yang melanggar undang-undang ini, kata beliau.

Perdana Menteri berkata nasib negara akan menjadi malang apabila pihak berkuasa tidak dapat menggunakannya haknya untuk menguatkuasakan undang-undang.

Dr Mahathir juga mengingatkan golongan pentadbir sektor awam menjalin kerjasama erat dengan kerajaan dan pihak swasta demi menjamin negara boleh membangun dengan pesat.

-- BERNAMA

RIZ ZS FAZ